



Sukan Varsiti MASTHAI Perkukuh Jalinan Kerjasama Malaysia-Thailand

Oleh Mohd. Zulfadli Fikri B. Azizan

Jalinan kerjasama antara Malaysia dan Thailand yang telah terjalin sejak sekian lama, diperkuuhkan lagi dengan penganjuran Sukan Universiti Malaysia-Thailand kali ke-3, yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah pada 21-24 Julai 2010.

Acara sukan tahunan itu menyaksikan 3 kategori yang dipertandingkan, membabitkan acara badminton, bola sepak dan futsal. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Tan Sri Dr. Dzulkefli A. Hassan. Katanya, objektif penganjuran sukan ini adalah untuk mengukuhkan lagi ikatan yang sedia terjalin, selain sebagai medan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan.

"Sejak dua edisi yang lalu, dapat dilihat bahawa penganjuran sukan ini menuju ke haluan yang tepat. Para atlet mahupun pegawai bukan sahaja menunjukkan semangat kesukaran yang baik, malah masing-masing saling memupuk semangat persahabatan," tambahnya lagi.

Lebih 50 atlet mengambil bahagian dalam kejohanan yang berlangsung selama 4 hari ini. Turut diadakan pertandingan Golf antara VIP dan Boling antara urusetia. Pasukan Thailand ternyata unggul dalam edisi kali ini, apabila menang kesemua acara yang dipertandingkan. Manakala dalam acara Golf dan Boling menyaksikan Malaysia menang bergaya ke atas pasukan Thailand.

